



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Penghayatan Etika dan Peradaban: Kajian terhadap Pensyarah Jabatan Pengajian Am Politeknik Zon Pahang

Understanding Ethics and Civilization: A Study of Lecturers in the Department of General Studies, Polytechnic Zone Pahang

Wahidah Mat Said², Rina Fakhizan Mohd Sukri^{1,*}, Hafizah Ismail²

¹ Unit Pengajian Am, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik METRO Kuantan, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia

² Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Paya Besar, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 February 2025

Received in revised form 8 March 2025

Accepted 12 April 2025

Available online 30 April 2025

Kata Kunci:

Penghayatan; peradaban; etika

ABSTRACT

Dalam dunia yang semakin global dan kompleks, nilai-nilai etika dan peradaban memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang mampu berinteraksi secara harmoni dalam masyarakat yang pelbagai. Namun, beberapa isu telah timbul berkaitan keberkesanan kursus ini dari perspektif pensyarah. Antaranya ialah cabaran dalam menyampaikan kandungan kursus yang luas. Menyedari kepentingan ini, kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) telah diperkenalkan dalam kurikulum institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia sebagai salah satu usaha strategik untuk memupuk pemahaman nilai-nilai murni, toleransi budaya, dan penghayatan terhadap peradaban. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah atau strategi serta cabaran pensyarah dalam menyampaikan kursus ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan melalui 'Google Form'. Sampel kajian merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Zon Pahang yang mengajar kursus ini sahaja. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pensyarah boleh menerima kandungan kursus PEP dengan sederhana tinggi, manakala bagi kaedah atau strategi dan cabaran dalam proses PdP berada di tahap sederhana rendah. Oleh itu, kursus yang berkaitan adalah perlu diberikan kepada pensyarah bagi persediaan dan penambahbaikan dalam melaksanakan PdP pada masa akan datang.

In an increasingly global and complex world, ethical values and civilization play a crucial role in shaping individuals who can interact harmoniously within diverse societies. However, several issues have arisen regarding the effectiveness of this course from the lecturers' perspective, including challenges in delivering the extensive course content. Recognizing this importance, the Appreciation of Ethics and Civilization (PEP) course was introduced into the curriculum of higher education institutions (HEIs) in Malaysia as a strategic effort to foster an understanding of noble values, cultural tolerance, and an appreciation of civilization. The objective of this study is to identify the methods or

* Corresponding author.

E-mail address: rinaf@pmku.edu.my

<https://doi.org/10.37934/jarsbs.39.1.2836>

strategies and challenges faced by lecturers in delivering this course. This quantitative study utilized a questionnaire distributed via Google Forms. The study sample consisted of lecturers from the General Studies Department at Polytechnics in the Pahang Zone who teach this course. Data were analyzed using SPSS version 27.0. The findings revealed that lecturers generally have a moderately high acceptance of the PEP course content, whereas the methods or strategies and challenges in the teaching and learning process (PdP) were at a moderately low level. Therefore, relevant training courses should be provided to lecturers to better prepare and enhance the implementation of PdP in the future.

Keywords:

Understanding; civilization; ethics

1. Pengenalan

Dalam dunia yang semakin global dan kompleks, nilai-nilai etika dan peradaban memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang mampu berinteraksi secara harmoni dalam masyarakat yang pelbagai [1]. Menyedari kepentingan ini, kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) telah diperkenalkan dalam kurikulum institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia sebagai salah satu usaha strategik untuk memupuk pemahaman nilai-nilai murni, toleransi budaya, dan penghayatan terhadap peradaban. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga memiliki keperibadian unggul dan keupayaan memahami kepelbagaian budaya [2].

Sebagai kursus wajib yang diperkenalkan di bawah Matapelajaran Umum (MPU), PEP direka untuk mendidik pelajar tentang konsep asas etika, peradaban, dan nilai budaya yang relevan dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia [3]. Walau bagaimanapun, keberkesanan kursus ini bukan sahaja bergantung kepada struktur kurikulumnya tetapi juga kepada pelaksanaannya oleh pensyarah yang memainkan peranan penting sebagai perantara ilmu. Pensyarah bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan isi kandungan kursus tetapi juga untuk memastikan pelajar benar-benar menghayati nilai-nilai yang disampaikan [4].

Namun begitu, pelaksanaan kursus ini tidak bebas daripada cabaran. Pelbagai faktor seperti latar belakang pelajar yang berbeza, kekangan masa, dan tahap kefahaman pensyarah terhadap objektif kursus boleh mempengaruhi hasil pembelajaran. Selain itu, persepsi pensyarah terhadap kepentingan kursus ini juga mungkin memengaruhi pendekatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pada itu, kajian terdahulu mengenai kursus Penghayatan Etika dan Peradaban hanya memberi fokus kepada persepsi dan pengalaman pelajar, tetapi kurang memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dalam mengajar kursus ini. Selain itu, terdapat kekurangan kajian yang menilai keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan dalam kursus ini serta bagaimana kurikulum dapat disesuaikan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan meneroka pengalaman pensyarah secara lebih mendalam, menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik mengenai cabaran serta keperluan mereka dalam mengajar kursus ini. Dapatan kajian ini juga boleh memberi implikasi penting dalam memperbaiki latihan pensyarah serta dasar pendidikan berkaitan pengajaran etika dan tamadun di institusi pengajian tinggi.

1.1 Kajian Literatur

Dalam membincangkan tentang persepsi pensyarah berkaitan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban masih terdapat kekangan untuk mendapatkan kajian berkaitan persepsi pensyarah terhadap kursus tersebut. Kajian sebelum ini hanya menumpukan terhadap persepsi pelajar Institusi Pengajian Tinggi sahaja. Antara kajian yang telah dibuat ialah berkaitan "Kefahaman dan Pengamalan

Nilai-nilai Murni melalui Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Kalangan Pelajar Politeknik Mersing”. Kajian ini melibatkan 157 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus PEP di Politeknik Mersing. Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni melalui kursus PEP ini. Hasil kajian mendapati bahawa para pelajar Politeknik Mersing mempunyai tahap kefahaman dan pengamalan yang tinggi dalam mengamalkan nilai-nilai murni yang baik dalam kehidupan seharian. Dan kajian ini memberi impak kepada pihak berwajib mengenai kepentingan kursus PEP dalam membentuk nilai-nilai murni kepada para pelajar [5].

Dalam kajian lain [6] menyatakan bahawa pelajar USIM menunjukkan minat yang tinggi serta sikap yang positif terhadap kursus PEP ini. Beliau juga mengharapkan minat dan sikap pelajar yang positif ini boleh membawa kepada kesepaduan dalam kalangan masyarakat multietnik di Malaysia. Kajian ini juga penting kepada tenaga pengajar kursus ini di USIM khususnya sebagai input awal dalam persediaan dan penambaan pelaksanaan kursus ini pada semester-semester akan datang.

Seterusnya kajian berkaitan “Perpaduan dan Patriotism dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban”. Kajian ini melibatkan 240 orang responden terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus MPU21032 (Penghayatan Etika dan Peradaban) di Politeknik Nilai. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap persepsi perbezaan perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus PEP ini berdasarkan jantina. Hasil kajian mendapati bagi aspek perpaduan adalah sederhana tinggi mengikut jantina, manakal bagi aspek patriotism adalah berada pada tahap tinggi. Pengkaji juga mengharapkan kedua-dua elemen ini terus berada di dalam sistem pendidikan negara samada berbentuk formal atau tidak formal. Ini penting kerana kedua-dua elemen ini boleh merealisasikan hasrat kerajaan untuk melihat masyarakat majmuk di negara kita berada dalam keadaan sejahtera [7].

Selain itu, kajian yang bertajuk “Persepsi Pelajar terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah”. Kajian ini melibatkan seramai 214 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester satu yang mengambil kursus PEP ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar semester satu terhadap kursus PEP. Hasil dapatan mendapati bahawa penerimaan pelajar terhadap 3 aspek yang dikaji adalah sangat tinggi. Pengkaji mengharapkan kajian ini membuka ruang kepada pensyarah untuk menambah baik proses PdP sekaligus menjadikan kursus PEP ini sebagai platform kepada pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan tentang peradaban yang bermoral [8].

Kajian yang membincangkan tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PnP) dalam talian bagi kursus tersebut dalam konteks norma baharu. Kajian ini melibatkan pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menilai tahap keberkesanannya. Kajian tersebut memberi tumpuan kepada aspek objektif, kurikulum, dan kaedah PnP yang digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa objektif utama kursus ini dapat dicapai walaupun ia dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Namun, terdapat anggapan bahawa pencapaian pelajar mungkin lebih baik jika kaedah pengajaran tradisional secara bersemuka digunakan [9].

Sebahagian besar kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perspektif pelajar, termasuk keberkesanan pedagogi dari sudut penerimaan pelajar dan kesannya terhadap pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam kajian yang secara khusus membincangkan cabaran pensyarah dalam pengajaran kursus ini. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang sedia ada dengan memberi tumpuan kepada cabaran pensyarah dalam menyampaikan kursus PEP, termasuk kesesuaian kandungan, kaedah pengajaran, serta latihan dan sokongan yang diterima oleh pensyarah. Kajian ini juga berusaha untuk memberikan cadangan penambahbaikan yang lebih relevan bagi meningkatkan kualiti pengajaran kursus ini berdasarkan dapatan empirikal daripada pensyarah sendiri.

2. Metodologi

2.1 Rekabentuk Kajian

Menurut [8], reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam penyelidikan untuk memperoleh jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian. Kajian yang dijalankan oleh penulis bersifat deskriptif, iaitu berdasarkan maklumat atau gambaran yang telah tersedia. Selain itu, kajian ini juga dikategorikan sebagai penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, dimana data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik dan data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dikaji.

2.2 Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling), di mana responden dipilih adalah pensyarah yang mengajar kursus PEP di 3 politeknik di Negeri Pahang iaitu Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Muadzam Shah (PMS) dan Politeknik METrO Kuantan (PMKu).

2.3 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen utama yang digunakan ialah borang soal selidik, yang merupakan salah satu kaedah paling popular dalam penyelidikan sains sosial. Soal selidik berperanan sebagai alat pengukuran untuk memperoleh maklumat dengan pantas dan tepat, terutama berkaitan kepercayaan, perasaan, serta fakta tertentu [10]. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi soalan berstruktur yang memerlukan responden menjawab berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan mengikut kesesuaian. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Persepsi Pensyarah terhadap Kandungan Kursus PEP), Bahagian C (Kaedah atau Strategi Pengajaran Kursus PEP), serta Bahagian D (Cabaran Pensyarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kursus PEP).

2.4 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan terdiri daripada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperoleh daripada soal selidik kepada responden menggunakan persampelan bertujuan. Selain itu, kajian ini juga melibatkan temu bual separa berstruktur dengan pensyarah yang mengajar kursus PEP. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai persepsi pensyarah terhadap kursus PEP, strategi pengajaran yang digunakan serta cabaran yang dihadapi semasa proses PdP. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bergantung kepada kesediaan serta lokasi responden. Manakala sumber sekunder diperolehi melalui kaedah analisis dokumen seperti buku-buku, tesis, jurnal, artikel, prosiding, kertas-kertas kerja, buku-buku ilmiah kontemporari, bahan-bahan ilmiah daripada laman web dan beberapa sumber yang berkaitan. Kajian terhadap dokumen merupakan perkara penting dalam kajian ini kerana penulis akan mendapat maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji [11].

2.5 Kaedah Analisis Data

Maklumat dan sumber yang diperolehi adalah berbentuk kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam komputer dan diproses dengan menggunakan perisian Statistic Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0 secara deskriptif iaitu frekuensi [5]. Data deskriptif ini menggunakan skala interpretasi [12] dan [13] seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Skala interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sedehana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

3. Hasil dan Perbincangan

3.1 Demografi Sampel Kajian

Sampel kajian kebanyakannya adalah perempuan iaitu seramai 8 orang (88.9%) berbanding hanya 1 orang (11.1%) daripada pensyarah lelaki yang menjawab maklumbalas kajian ini. Daripada 9 orang sampel kajian 6 orang (66.7%) daripadanya merupakan pensyarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), 2 orang (22.2%) daripada Politeknik METrO Kuantan (PMKu) dan hanya 1 orang (11.1%) daripada Politeknik Muadzam Shah (PMS), Pahang. Selain itu, pengalaman mengajar merupakan item penting dalam kajian ini. Purata pengalaman mengajar adalah melebihi 10 tahun iaitu daripada 9 orang sampel kajian pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar 11-15 tahun seramai 5 orang (55.6%) dan yang melebihi 15 tahun seramai 4 orang (44.4%). Manakala bidang pengajian menunjukkan bidang Pengajian Islam yang paling ramai iaitu seramai 7 orang (77.8%) dan lain-lain 2 orang (22.2%). Jadual 2 dibawah memperincikan dapatan demografi kajian ini:

Jadual 2

Demografi sampel kajian

Demografi	Kekerapan (N=9)	Peratus
Jantina		
Lelaki	1	11.1%
Perempuan	8	88.9%
Politeknik		
POLISAS	6	66.7%
PMKu	2	22.2%
PMS	1	11.1%
Pengalaman		
Mengajar 11-15 tahun	5	55.6%
Mengajar lebih dari 15 tahun	4	44.4%
Bidang Mengajar Utama		
Pengajian Islam	7	77.8%
Lain-lain	2	22.2%

3.2 Analisis Deskriptif Persepsi Pensyarah terhadap Kandungan Kursus PEP

Hasil kajian yang diperolehi dipersembahkan dalam Jadual 3 untuk menjawab objektif pertama, iaitu mengenai persepsi pensyarah terhadap kandungan kursus PEP.

Jadual 3

Persepsi pensyarah terhadap kandungan kursus PEP

Item	Kenyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	SM	SP
B1	Adakah kandungan kursus PEP sesuai dengan objektif yang ditetapkan?	-	-	5 (44.4%)	4 (44.4%)	3.44	.527
B2	Adakah anda bersetuju bahawa kandungan kursus PEP relevan dengan isu semasa?	-	1 (11.1%)	8 (88.9%)	-	2.89	.333
B3	Adakah kandungan kursus mencukupi untuk membangunkan nilai etika dan peradaban dalam kalangan pelajar?	-	1 (11.1%)	7 (77.8%)	1 (11.1%)	3.00	.500
Keseluruhan						3.11	.236

“Secara keseluruhannya, saya rasa kandungan kursus ini selari dengan objektif yang ditetapkan, namun terdapat beberapa topik yang boleh dikembangkan lebih lanjut agar lebih relevan dengan situasi semasa”. [14]

Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pensyarah bersetuju dengan kandungan kursus PEP (Skor min = 3.11). Namun, terdapat beberapa pensyarah yang mencadangkan penambahbaikan, khususnya dalam aspek relevansi kandungan dengan isu semasa.

3.3 Analisis Deskriptif Kaedah atau Strategi Pengajaran Kursus PEP

Hasil kajian yang diperoleh dipersembahkan dalam Jadual 4 untuk menjawab objektif kedua, iaitu mengenai kaedah atau strategi pengajaran kursus PEP.

Jadual 4

Kaedah atau strategi pengajaran kursus PEP

Item	Kenyataan	Kuliah Tradisional	Perbincangan Kumpulan	Aktiviti Berasaskan Projek	Simulasi	PdP Dalam Talian	SM	SP
C1	Apakah kaedah pengajaran utama yang anda gunakan dalam kursus ini?	3 (33.3%)	1 (11.1%)	2 (22.2%)	1 (11.1%)	2 (22.2%)	2.78	1.64
Item	Kenyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		SM	SP
C2	Adakah anda bersetuju bahawa kaedah pengajaran yang anda gunakan sesuai untuk mencapai objektif kursus?	-	-	4 (44.4%)	5 (55.6%)		3.56	.527
Item	Kenyataan	Ya	Tidak				SM	SP
C3	Adakah anda menerima latihan atau sokongan mencukupi untuk mengajar kursus ini?	2 (22.2%)	7 (77.8%)				1.78	.441
Keseluruhan							2.70	.484

"Saya lebih selesa menggunakan kaedah perbincangan kumpulan kerana ia membantu pelajar memahami isu-isu etika dan peradaban dengan lebih mendalam." [15]

Kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, dengan kuliah tradisional (33.3%) sebagai pendekatan utama. Namun, cabaran utama yang dikenal pasti ialah kesukaran menarik perhatian pelajar dalam sesi PdP, terutama dalam kaedah dalam talian.

3.4 Analisis Deskriptif Cabaran Pensyarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kursus PEP

Hasil kajian yang diperolehi dipersembahkan dalam Jadual 5 untuk menjawab objektif ketiga, iaitu mengenai cabaran pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus PEP.

Jadual 5

Cabaran pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus PEP

Item	Kenyataan	Pelajar kurang minat	Sukar untuk menyampaikan topik berkaitan dengan peradaban secara menarik	Tahap pemahaman pelajar yang berbeza	Kurangnya latihan dan sokongan untuk pensyarah	Penilaian kursus kurang jelas	SM	SP
D1	Apakah cabaran utama yang anda hadapi semasa mengajar kursus ini?	2 (22.2%)	2 (22.2%)	3 (33.3%)	1 (11.1%)	1 (11.1%)	3.22	1.78
Item	Kenyataan	Ya		Tidak			SM	SP
D2	Adakah anda bersetuju bahawa kursus ini memerlukan penambahbaikan dalam aspek berikut?	9 (100%)					1.00	.000
Item	Kenyataan	Penyediaan bahan pengajaran	Latihan dan sokongan untuk pensyarah	Kaedah penilaian pelajar			SM	SP
D3	Jika Ya, apakah penambahbaikan dalam aspek berikut?	1 (11.1%)	6 (66.7%)	2 (22.2%)			2.11	.601
Keseluruhan							2.11	.745

"Pelajar kurang berminat dengan topik berkaitan peradaban kerana menganggapnya kurang relevan dengan bidang pengajian mereka." [16]

"Saya rasa kurangnya latihan khusus kepada pensyarah menyebabkan penyampaian topik tertentu kurang berkesan." [17]

Dapatan kajian mendapati bahawa 100% pensyarah bersetuju kursus ini memerlukan penambahbaikan dalam aspek penyediaan bahan pengajaran, latihan, dan kaedah penilaian pelajar. Kekurangan latihan untuk pensyarah menjadi cabaran utama dalam meningkatkan keberkesanan PdP.

4. Kesimpulan

Dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap pembangunan kurikulum dan latihan pensyarah bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP). Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun kandungan kursus secara umum dianggap relevan, terdapat cabaran dalam kaedah penyampaian dan kekurangan latihan bagi pensyarah. Oleh itu, penambahbaikan dalam struktur kurikulum boleh dipertimbangkan, termasuk penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti kajian kes, simulasi, dan pembelajaran berasaskan projek. Selain itu, dapatan ini juga menekankan keperluan untuk memperkukuhkan latihan dan sokongan kepada pensyarah dalam aspek pedagogi dan penggunaan teknologi dalam pengajaran. Pihak institusi disarankan untuk menyediakan bengkel berkala, pembangunan profesional berterusan, serta platform perkongsian amalan terbaik bagi membantu pensyarah meningkatkan keberkesanan penyampaian kursus. Dengan penambahbaikan ini, kursus PEP dapat disampaikan dengan lebih menarik dan berkesan, seterusnya meningkatkan kefahaman serta minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Secara keseluruhannya, kursus PEP yang diperkenalkan oleh KPM sebagai matapelajaran wajib merupakan satu inisiatif untuk membantu para pelajar menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri [18]. Oleh itu, lebih banyak kajian perlu dibuat terhadap pensyarah bagi menangani isu PdP bagi kursus PEP ini.

Pengiktirafan

Kajian penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Siti Zaharah, Hasnah, Nur Afifah, Norhaslina, Mohd Rosdi, Solehah dan Zuharyati. (2022). Penghayatan Etika dan Peradaban. Selangor: Penerbit Ehsan (M) Sdn. Bhd.
- [2] Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi. "Garis panduan matapelajaran Pengajian Umum." *Edisi Kedua (2016)*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi (2016).
- [3] Abdullah, Sakinatul Raadiyah, Farahdina Fazial, Surita Hartini Mat Hassan, Salimah Yahaya, and Che Khadijah Hamid. "Keberkesanan Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Dalam Memupuk Kesepaduan Kaum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM)." *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)* 7, no. 46 (2022): 571-582. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746043>
- [4] Hassan, Ruslan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar, and Azmul Fahimi Kamaruzaman. "Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur." *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)* 21 (2020): 126-141. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>
- [5] Rosli, A. R., M. I. Mahadi, and A. Mohamad. "Kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing." *Technical and Vocational Education International Journal (TAVEIJ)* 3, no. 1 (2023): 63-70. <https://doi.org/10.55642/taveij.v3i1.280>
- [6] Ros Aiza, Latifah dan Abd Hakim. "Minat dan Sikap Belajar Pelajar USIM terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban". E-Proceeding of The International Conference on Aqidah, Religious and Social Sciences, (2020): 93-98.
- [7] Talib, Nor Hayati Fatmi, Hasani Ghazali, and Nor Wahida Dzalihu'zzabir. "Perpaduan dan Patriotism Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban: Unity and Patriotism Among Students of the Course Penghayatan Etika dan Peradaban." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 5, no. 2 (2021): 24-35. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v5i2.12>
- [8] Saad, Kamsani Md. "Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah." In *Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah & Law*. 2021.

- [9] Lukin, Aidah, Saifulazry Mokhtar Lokin, and Sharifah Darmia Sharif Adam. "KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BAGI KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (PeDP): KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH."
- [10] Kerlinger, Fred N. "Review of research in education." (1973).
- [11] Ghafar, Mohamad Najib Abdul. *Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia*. 1999.
- [12] Long, Ahmad Sunawari. *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- [13] Nunally, J.C. dan Bernstein, I.R. (1994). *Psychometric Theory*. New York, NY: McGrawhill.
- [14] Nasrudin, Norfadhilah. "Penilaian pencapaian matlamat Program Pembudayaan Keusahawanan (PPK) di Politeknik Malaysia."
- [15] Abdul Manaf, Ahmad Saiful. (2025). Temubual oleh Rina Fakhizan. 10 Mac 2025
- [16] Hassan, Hasni. (2025). Temubual oleh Rina Fakhizan. 10 Mac. 2025
- [17] Abdul Halim, Kamal Hisam. (2025). Temubual oleh Rina Fakhizan. 14 Mac 2025.
<https://doi.org/10.37934/sijste.5.1.1436>
- [18] Ujang, Aziz, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin, and Kadaruddin Aiyub. "Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia." *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2, no. 2 (2014): 31-39.